

## **BAB KELIMA: KESIMPULAN**

Telah menjadi satu kriteria asas bahawa untuk sesuatu peradaban itu dapat terus hidup dan berkembang, ia perlu berinteraksi dengan peradaban lain. Proses pertembungan ini menjadikan peradaban itu dinamik dan seterusnya mengkayakan peradaban itu. Dalam melihat sesuatu pertembungan itu, terdapat beberapa perkara yang sangat menarik untuk dikaji iaitu pertama sekali apakah bentuk pertembungan itu? Adakah pertembungan itu berbentuk aman ataupun konflik? Seterusnya ialah apakah faktor yang mempengaruhi sesuatu pertembungan itu? Selain daripada itu ialah apakah pengaruh yang dibawa oleh peradaban asing yang bertembung dengan sesuatu peradaban lain?

Peradaban Melayu telah membuktikan bahawa dalam kewujudannya di alam ini, ia telah menjadi satu peradaban model dalam melakari interaksi dengan peradaban asing. Peradaban Melayu telah mempunyai asasnya yang kukuh sebelum kedatangan unsur dan pengaruh asing. Malah sebelum kedatangan peradaban asing, kawasan di gugusan pulau-pulau Melayu telah mempunyai peradabannya sendiri. (Mohamad Taib Osman, 1986:64) Kedatangan peradaban asing melalui interaksi sama ada secara aman ataupun konflik telah berfungsi mewarnai peradaban Melayu. Proses interaksi antara peradaban ini memperkayakan lagi peradaban Melayu dan seterusnya menjadikan ia semakin mantap dan kehadiran sebahagian dari elemen dalam peradaban asing ini telah disesuaikan bagi memantapkan peradaban Melayu yang sentiasa dinamik dalam menangani cabaran zaman.

Bentuk pertembungan antara peradaban yang berbeza boleh dilihat dalam dua aspek iaitu sama ada ia berbentuk aman ataupun konflik. Jika terdapatnya sikap saling hormat-menghormati, bertolak-ansur dan saling memahami, pertembungan yang berlaku cenderung kepada aman dan harmoni. Lebih-lebih lagi jika pertembungan tersebut diasaskan kepada ajaran agama yang murni dan bertoleransi. Sebaliknya jika terdapat peradaban yang lebih berkuasa cenderung menekan dan terdapat unsur-unsur paksaan menjadikan peradaban yang lain pula tidak berpuas hati, maka pertembungan tersebut akan mengarah kepada konflik . Hashim Musa ada menyebut

“Begitulah juga satu kelompok manusia yang membentuk sebuah masyarakat, negara dan tamadun tidak pernah wujud berasingan secara terpencil; sentiasa berlaku interaksi dan perhubungan dengan kelompok, negara dan tamadun yang lain demi kelangsungan dan kemajuannya. Kadangkala perhubungan itu berlaku secara damai, saling memanfaatkan antara satu sama lain, tetapi tidak kurang juga berlaku konflik berdarah, pencerobohan dan penjajahan. Namun, walau apapun bentuk interaksi itu, sama ada secara damai atau ganas, satu tamadun itu sentiasa mempelajari dan menyedut masuk unsur-unsur yang dianggap lebih tinggi yang datang daripada tamadun saingannya.” (Hashim Musa, 2000:1-2)

Sesuatu pertembungan dalam bentuk yang harmoni seperti melalui perdagangan dan diplomatik dapat dilihat menekankan beberapa ciri yang utama. Antaranya pertembungan sebegini bersikap memelihara identiti peradaban yang

sedia ada sama ada ia berbentuk warisan, tradisi ilmu ataupun adat istiadat. Pertembungan sebegini tidak menghancurkan identiti peradaban tempatan. Jika terdapat perubahan ia adalah secara sukarela dan bukan dengan paksaan. Di samping itu ciri lain ialah adanya unsur-unsur kemanusiaan yang mendominasi pertembungan yang sebegini. Walaupun ada pertembungan agama, sekali lagi ia tidak bersifat memaksa, sebaliknya perubahan yang berlaku adalah secara sukarela. Sebagai contoh agama Islam yang menyerap sebagai teras dalam Peradaban Melayu, wujud bukan secara paksaan tetapi secara sukarela. Oleh itu kita tidak dapati peperangan dan pertumpahan darah.

Kesultanan Melayu Brunei adalah salah satu contoh wilayah di mana peradaban Melayu telah tumbuh dan berkembang hasil daripada pertembungannya dengan pelbagai peradaban asing. Dengan pengalamannya setelah berinteraksi dengan hampir semua peradaban besar dunia, peradaban Melayu telah berkembang dan menyerap nilai-nilai positif bagi memantapkan dirinya. Sintesis kreatif hasil pertembungan samada berbentuk harmoni atau konflik ini dapat dilihat dalam pelbagai dimensi; politik, ekonomi dan sosial serta budaya. Interaksi harmoni antara peradaban dapat dijalin jika setiap peradaban berpegang teguh kepada ajaran murni yang dibawa oleh peradaban masing-masing. Setiap peradaban mempunyai agama serta sistem kepercayaan masing-masing. Faktor agama dan kepercayaan ini membimbing peradaban tersebut agar saling menghormati dan berpegang kepada prinsip moral dan etika.

Kedatangan peradaban luar melalui perdagangan, pengembaraan, penyebaran agama serta penjajahan telah mempengaruhi peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Pertembungan dengan Peradaban India bermula seawal Brunei di bawah penguasaan Majapahit. Ia terus kekal walaupun setelah Brunei membebaskan dirinya daripada penguasaan Majapahit. Kehadiran pengaruh peradaban India lebih bersifat luaran yang memperkukuhkan struktur sosial dan tradisi yang sedia ada dibina sejak sekian lama. Pengaruhnya lebih banyak memberi kesan kepada kelas atasan melalui konsep dewaraja, adat istiadat dan kesusasteraan melalui tulisan palava dan bahasa Sanskrit. Manakala di pihak rakyat, pengaruhnya tidak nampak dengan jelas dan mereka hanya menerima tempiasnya sahaja.

Pertembungan dengan peradaban China berlaku seawal wujudnya hubungan perdagangan dengan pedagang China. Hubungan ini dipereratkan lagi dengan beralihnya hubungan diplomatik Brunei dari Majapahit kepada China. Dalam hubungan yang lama dan panjang ini, ia naik dan turun, maju dan merosot. Namun ia tetap berlaku secara harmoni tanpa terdapat sebarang unsur-unsur berbentuk kekerasan seperti peperangan. Sebaliknya pada satu peringkat, hubungan ini mencapai satu tahap yang amat baik dengan diikat melalui perkahwinan diraja.

Satu perkara yang penting tentang pertembungan Peradaban China dengan Peradaban Melayu di Brunei ialah sebagai satu simbol kepada peradaban Melayu di Brunei. Telah menjadi kebiasaan dalam menggambarkan kebesaran sesuatu

kerajaan Melayu di Asia Tenggara adalah melalui hubungannya dengan peradaban China. Misalnya dalam Sejarah Melayu diceritakan hubungan Empayar Melaka dengan Negara China sebagai satu cara bagi menggambarkan kebesaran kerajaan Melaka. Begitu juga dengan negara Brunei Darussalam. Hubungan yang erat dan terjalin sekian lama menjadi satu tanda kepada kewujudan dan kebesaran peradaban Melayu di Brunei. Tidak mungkin sebuah negara yang mempunyai peradaban yang tinggi seperti China mahu mengadakan hubungan dengan Brunei sekiranya Brunei bukan merupakan sebuah wilayah yang mempunyai tahap peradaban yang tinggi dengan pusat pemerintahan yang teratur serta pelabuhan yang bersistematik. Dalam erti kata lain, pada masa itu terdapat sesuatu keistimewaan yang wujud di Brunei sehingga sebuah peradaban sehebat China mahu mengadakan hubungan perdagangan dan diplomatik dengan Brunei. Malah, China begitu menghormati hubungan tersebut melalui beberapa siri lawatan dan juga menerima kunjungan rombongan daripada Brunei.

Kedatangan Peradaban Islam melalui pendakwahan dan perdagangan telah memberi impak besar kepada peradaban Melayu keseluruhannya. Walaupun warisan budaya Melayu dipertahankan dan kesan-kesan pengaruh peradaban asing yang datang lebih awal seperti India dan China terdapat dalam perkara-perkara tertentu, tetapi segala warisan tradisi ini disesuaikan dengan kehendak-kehendak Islam. Islam telah membina nilai-nilai baru dan pandangan hidup (*world view*) yang berasaskan kepada pemikiran yang rasional. Ia merata dari golongan atasan sehinggalah kepada rakyat. Ia merubah peradaban Melayu. Ia merubah struktur sosial dan organisasi peradaban Melayu. Malah lebih besar lagi, Islam

menyumbang kepada kepercayaan baru berteraskan aqidah tauhid, perkembangan ilmu pengetahuan melalui Al-Qur'an dan tulisan Jawi, sistem perundangan melalui Syariah, hubungan sosial berdasarkan akhlak Islam, pemerintahan melalui sistem kesultanan. Islam akhirnya menjadi teras kepada peradaban Melayu dalam pelbagai dimensi meliputi aspek politik, ekonomi, sosial, budaya, kepercayaan, pengetahuan dan sebagainya. Islam datang memperkukuhkan peradaban Melayu yang sedia ada. Kedatangan Islam tidak menghapuskan cara hidup masyarakat Melayu. Sebaliknya ia disesuaikan mengikut kehendak Islam.

Pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban asing tidak terhenti setakat itu. Seterusnya berlaku pula pertembungan dengan Peradaban Barat melalui kedatangan orang Portugis, Belanda, Sepanyol, British dan Amerika. Peradaban Melayu melihat Barat dengan penuh prasangka. Manakala Peradaban Barat pula melihat peradaban Melayu dengan pandangan yang rendah. Sifat saling curiga-mencurigai antara kedua-dua peradaban ini menjadikan pertembungan kedua-duanya dipenuhi pelbagai konflik. Walaupun pada mulanya peradaban Barat melihat Bangsa Melayu sebagai bangsa yang bertamadun (Blair & Robertson, tt:221, Ranjit Singh: 1984, Graham Irwin,1986:5, Sabihah Osman, Robert Nicholl) namun terdapat sebahagian aspek dalam peradaban Melayu seperti sistem politik dan pemerintahan berajanya yang dianggap oleh orang Barat sebagai zalim dan mengikis hak asasi yang diperjuangkan oleh peradaban Barat. Oleh itu ini dijadikan landasan kepada mereka untuk mengubah masyarakat Melayu dan malangnya pendekatan yang digunakan ialah sikap mendominasi peradaban lain dan memandang rendah peradaban lain. Ini menjadikan

pertembungan yang berlaku ada kalanya aman dan seringkalinya adalah konflik. Ianya sarat dengan hegemoni dan dominasi. Ia ditandai dengan peperangan, diplomasi, tipu muslihat, perjanjian dan ancaman.

Natijahnya, ia telah memberi kesan besar kepada peradaban Melayu di Brunei. Peradaban Melayu yang telah mantap dengan Islam sebagai terasnya bertembung dengan peradaban Barat yang berteraskan Material dan Sekular. Usaha secara paksa melalui kolonialisasi untuk menyerapkan elemen dari peradaban Barat mengakibatkan sebahagian aspek dalam peradaban Melayu berteraskan Islam telah terhakis. Antara pengaruh hasil pertembungan dengan peradaban Barat ialah pengenalan sistem Residen, sistem pendidikan dualisme, perundangan sivil, bahasa Inggeris dan ia mempengaruhi hampir semua aspek ekonomi, sosial dan politik.

Namun pertembungan dengan peradaban barat tidak semuanya bersifat negatif. Kesan positif pertembungan tersebut dapat dilihat dari segi kesedaran nasionalisme di kalangan rakyat tempatan di Brunei. Kedatangan Barat juga juga memperkenalkan satu pentadbiran cara baru yang dianggap lebih moden. Ia kini menjadi sebahagian dari ciri pentadbiran di Brunei Darussalam. Pengalaman dijajah oleh Barat adalah satu pengalaman berharga yang perlu diambil iktibar oleh semua. Antara iktibar yang boleh diambil dari pertembungan dengan Barat ialah kegagalan sesuatu peradaban untuk menjadi bangsa penjana dan hanya menjadi bangsa pengguna adalah akibat daripada kegagalan sesuatu bangsa menguasai ilmu pengetahuan. Ini mengakibatkan mereka kecundang pada

peradaban yang lebih terkehadapan dalam penguasaan ilmu. Oleh itu, dalam usaha membina semula Peradaban Melayu di Brunei, bangsa Melayu perlulah belajar dari kesilapan dan pengalaman lalu.

Dalam melihat naik turunnya sesuatu peradaban, Akbar Ahmad melihat semakin hampirnya sesuatu peradaban dengan tahap agama pada zaman ideal Rasulullah s.a.w., maka semakin tinggilah tahap sesuatu peradaban. Ini bermakna beliau melihat peradaban itu bukan hanya kemajuan berbentuk fizikal, tetapi juga kesempurnaan pengamalan agama. Jika ukuran Akbar Ahmad digunakan, beliau menyatakan bahawa semakin hampir kehidupan masyarakat dari segi moral dan akhlak dengan kehidupan di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat *ridhwanullah 'alaihim*, maka semakin tinggilah tahap ketamadunan itu. Ini kerana Akbar Ahmad mengambil aspek akhlak dan zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabat *ridhwanullah 'alaihim* sebagai penanda aras kepada tahap ketamadunan sesuatu masyarakat. Sebaliknya ini berbeza dalam peradaban Barat yang melihat peradaban lebih kepada aspek material. Ini dijelaskan lagi oleh Hashim Musa:

“Contoh yang ideal yang ditunjukkan oleh peribadi Rasulullah s.a.w. itu bukan merupakan satu utopia yang tidak boleh dicapai, tetapi sesuatu yang sudah diamali dan dihayati oleh tiga generasi awal Islam secara praktikal dan mudah iaitu dalam bentuk sifat, sikap, nilai dan keyakinan, etika, akhlak, visi, misi, budi pekerti dan segala sifat manusia dan masyarakat yang baik. Ideal ini sememangnya tersemadi dan tersirat di dalam setiap mata hati dan akal budi penganut dan pendukung Islam yang dipegang secara teguh dan penuh keyakinan tentang kejayaan dan keunggulannya



sepanjang zaman. Hanya yang diperlukan ialah penterjemahan, penerapan, dan pelaksanaan prinsip-prinsip itu dalam bentuk sistem dan organisasi sosial yang relevan dan dapat dipraktikkan berdasarkan persekitaran sosial dan budaya semasa iaitu mengambilkira realiti masyarakat, negara bangsa, budaya, ilmu pengetahuan, sains, teknologi, ekonomi, politik, strategik, perhubungan antarabangsa pada tahap nasional, wilayah dan global.” (Hashim Musa, 2001:15)

Dalam rangka umat Melayu Islam bertindak dan berusaha ke arah zaman ideal ini, mereka sebenarnya dengan sedar dan secara langsung mempunyai satu matlamat yang jelas. Dalam konteks ini, ideal mungkin tidak akan tercapai tetapi akan sentiasa diperjuangkan dalam usaha membina sesuatu tahap peradaban yang lebih baik. Mengkaji dan menganalisa peradaban Melayu di Brunei Darussalam berdasarkan perspektif Teori Alunan Akbar Ahmad, maka dapatlah disimpulkan bahawa apabila kehidupan dan penghayatan agama berada pada tahap yang paling hampir dengan zaman ideal Rasulullah s.a.w., maka itulah tahap kemuncak peradaban Melayu Islam di Brunei Darussalam. Oleh itu, berdasarkan catatan serta penelitian sejarah, bolehlah kita katakan bahawa Brunei mencapai kemuncak ketamadunannya di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali dan Sultan Bolkiah.

Sepanjang sejarah naik dan turunnya peradaban Melayu di Brunei, terdapat tiga peperangan yang penting dan perlu diberi perhatian kerana ia memberi impak kepada naik turunnya peradaban Melayu di Brunei. Peperangan tersebut ialah ‘Perang Kastila’ pada 1578, ‘Perang Saudara’ yang berjalan selama dua belas tahun (1661-1673) dan ‘Perang Brooke’. Walaupun ia berlaku dalam

kurun yang berlainan, namun satu perkara yang boleh diambil iktibar ialah, ia dikatakan tercetus pada awalnya oleh perselisihan di kalangan orang Melayu sendiri. (Abdul Latif Ibrahim, 1999:216). Konflik dalaman ini telah dipergunakan oleh kuasa asing untuk menanggung di air keruh dan seterusnya membuka peluang kepada penguasaan mereka ke atas Brunei. Malang sekali bangsa Melayu tidak belajar dari sejarah bagaimana perpecahan dalaman menjadi salah satu faktor kepada kemerosotan dan seterusnya kejatuhan sesuatu bangsa. Itu juga berlaku dalam peradaban Melayu di Brunei.

Selain daripada itu, antara perkara yang boleh kita simpulkan ialah faktor agama dan kepercayaan yang menjadi teras kepada setiap peradaban bukanlah satu-satunya penyebab kepada konflik antara peradaban seperti yang didakwa oleh Huntington. (Huntington, 1997:42). Sebaliknya ia boleh menjadi faktor kepada satu titik pertemuan antara kepelbagaian tamadun bergantung kepada bagaimana dialog dilakukan. Sebagai contoh, ini dapat dibuktikan melalui keharmonian interaksi antara Peradaban Melayu dengan Peradaban China. Malangnya jika sesuatu peradaban yang telah hilang nilai keagamaannya, gagal memenuhi dimensi spiritual, sebaliknya dikawal dan dipengaruhi faktor kebendaan semata-mata, pastilah ia menjurus kepada konflik apabila bertembung dengan peradaban lain.

Mengkaji pernyataan serta fakta sejarah adalah bertujuan untuk kita gunakan melihat masa hadapan sesuatu peradaban. Kita tidak berkuasa untuk bertindak menukarkan masa yang lalu, tetapi masa hadapan perlulah diberi

perhatian. Seorang sarjana Islam, Mohamad Asad mengingatkan ummat Islam agar jangan terperdaya dengan angan-angan kosong tanpa membuat sebarang persediaan dalam melihat masa hadapan. Beliau menyebut:

*“To desire the expansion of Islam is one thing, and to build false hopes on this desire is another.”* (Mohamad Asad, 1982:57)

Beliau mengingatkan bahawa mengharapkan kebangkitan sesuatu peradaban tanpa membuat sebarang persediaan tetapi mengharapkan ia akan muncul secara tiba-tiba adalah sesuatu yang berbahaya. Ini kerana pengharapan yang palsu ini akan menjadikan sesuatu bangsa itu terus mengambil sikap sambil lewa dan menyimpang dari realiti. Begitu juga dalam usaha ingin melihat Peradaban Melayu Islam bangkit semula menerajui Islam di sebelah Timur, tidak cukup sekadar dengan harapan-harapan sahaja tanpa diasaskan dengan persediaan dan usaha yang jitu.

Dalam melihat masa hadapan Peradaban Melayu di Brunei, penulis cuba membincangkan beberapa perkara sebagai asas perbincangan untuk dikaji secara lebih lanjut. Dalam melihat kekuatan Peradaban Melayu, Hashim Musa, (2003:133) telah menyebut tiga kekuatan Melayu yang pasti boleh membantunya ke arah usaha kebangkitan Peradaban Melayu iaitu:

1. Kedinamikan budaya Melayu
2. Konsep Melayu sebagai satu entiti budaya.
3. Kekuatan agama Islam anutannya

Jika dilihat di Brunei Darussalam, ketiga-tiga faktor ini masih subur dan usaha ke arah menjaga dan meningkatkannya perlulah digiatkan. Kedinamikan budaya Melayu adalah hasil daripada pengalaman berinteraksi dengan peradaban asing. Hasil dari pertembungan dengan pelbagai peradaban dunia, menjadikan alam Melayu sebuah daerah yang paling kaya dengan pengalaman dialog peradaban. Pengalaman yang sangat berharga ini boleh dijadikan sebagai satu aset yang bernilai untuk peradaban Melayu berhadapan dengan dunia globalisasi hari ini. Begitu juga dalam konteks peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Hasil dari pertembungannya hampir semuanya telah memberi kesan dan telah diterimapakai dalam kosmos dan keperibadian bangsa Brunei. Pertembungan peradaban Melayu di Brunei dengan pelbagai peradaban dunia telah mengkayakan peradaban Melayu dan menjadikan ia dinamik dan terus berkembang. Ini membuktikan bahawa peradaban Melayu bersifat dinamik dan mampu menyesuaikan dirinya dengan perkembangan zaman. Pengaruh daripada peradaban lain telah memberi makna tersendiri kepada peradaban Melayu.

Walaupun terdapat pengaruh yang merencatkan peradaban Melayu (*truncated civilization*), namun terdapat juga pengaruh positif peradaban asing. Sebagai contoh peradaban Islam yang berpaksikan tauhid akhirnya menjadi teras kepada peradaban Melayu dan menjadikan ia sebuah peradaban yang mempunyai nilai universal. Begitu juga pengalaman berinteraksi dengan peradaban India, China dan Barat memberikan pengalaman kepada peradaban Melayu untuk menjadi satu peradaban yang mampu bergerak pada peringkat global. Proses menyerap segala kebaikan peradaban lain bersesuaian dengan konsep Islam *Al-*

*Jam'u Baina Qadim As-Solih Wa Al-Jadid An-Naf* (Kombinasi Antara Sistem Lama Yang Penuh Keberkatan Dan Sistem Baru Yang Bermanfaat).

Faktor Islam juga merupakan kekuatan dalam Peradaban Melayu. Ternyata zaman kegemilangan peradaban Melayu di Brunei ditandai dengan atau setelah bertembung dengan peradaban Islam. Peradaban Islam telah mengakari dan menjadi teras kepada Peradaban Melayu di Brunei. Kesan Peradaban Islam terhadap Peradaban Melayu dapat dilihat dengan penjelasan Hashim Musa

“Agama Islam juga telah meningkatkan Tamadun Melayu ke tahap antarabangsa iaitu meletakkannya dalam rangkaian Pan-Islamika yang sejagat, sesuai dengan kesejagatan Islam itu sendiri. Jikalau sebelum itu kegemilangan tamadun Melayu hanya terhad kepada Kepulauan Melayu dan juga negara-negara berjiranan sahaja, tamadun Melayu dalam zaman Islam telah dijalinkan dengan tamadun dunia Islam sejagat seperti tamadun Islam Arab di Tanah Hijaz, tamadun Islam Turki di Ustanbul, tamadun Islam Parsi di Isfahan, tamadun Islam Mughal di India dan tamadun Islam utara Afrika di Kaherah dan Maghribi, yang pada abad ke-16 mengikut sarjana Orientalis Barat W. Cantwell Smith, sekali lagi berperanan sebagai penggerak dalam mempengaruhi tamadun dunia.” (Hashim Musa, 2001:50)

Sekiranya peradaban Melayu ingin kembali gemilang di alam Melayu, ia perlu kembali kepada terasnya iaitu Islam. Kembali ke teras Islam tidak bermaksud menolak segala kebaikan yang ada dalam peradaban lain, kerana Islam melihat segala ilmu (hikmah) yang bermanfaat itu adalah harta yang tercipir yang perlu dicari dan direbut oleh setiap muslim. Oleh itu, teknologi komunikasi dan

teknologi maklumat yang menjadi gelombang ketiga dunia sekarang ibarat hikmah yang tercipir yang perlu dicari dan direbut. Muhammad Asad mengingatkan orang Islam :

*“We must have the will to learn and to progress and to become scientifically and economically as efficient as the western nations are. But the one thing the Muslims must not wish is to see with the Western eyes. to think in Western patterns and thought: they must not wish, if they desire to remain Muslims, to exchange the spiritual civilization of Islam for the materialistic experimentation of the West, whether Capitalist or Maxist.”* (Muhammad Asad, 1982:63)

Adalah amat malang sekali jika bangsa Melayu yang beragama Islam terpersona dengan kehebatan dan kagum dengan pencapaian peradaban Barat. Lantas terus menjadi pengikut setia kepada mereka sehingga dalam masa yang sama merasakan Islam sebagai faktor yang menyebabkan kehidupan manusia menjadi mundur dan tidak moden.

Elemen agama dan bahasa adalah dua elemen tamadun yang paling bertenaga dalam menentukan jatuh bangun sesebuah peradaban seperti yang ditegaskan oleh Toynbee, Malik Bennabi dan Samuel Huntington. (Hashim Musa, 2001:23) Oleh itu Peradaban Melayu di Brunei Darussalam mestilah terus mempertahankan kedua-dua elemen penting yang menjadi teras kepada peradaban Melayu; Bahasa Melayu dan Agama Islam. Inilah dua elemen yang disebut sebagai ciri penting kepada tamadun Melayu inti seperti yang disebut oleh Hashim Musa. Kedua-dua elemen yang masih lagi dijaga dan dibajai melalui

kosep Melayu-Islam-Beraja (MIB) diharap akan terus subur dan menjadi elemen penting dalam mempertahankan identiti peradaban Melayu yang masih lagi wujud di permukaan alam ini.

“Pada hakikatnya, biarpun Brunei dari segi saiz penduduknya kecil dibandingkan dengan negara-negara lain di Alam Melayu/Nusantara, namun hal yang demikian tidak menjadi rintangan utama bagi menegakkan kemelayuan dan keislaman, kerana sejarah telah membuktikan bahawa hal berkenaan tidak mustahil dapat dicapai. ... Namun nostalgia itu telah menjelma semula menjadi realiti apabila ‘revolution from within’ atau revolusi dalaman yang bersumber dari Islam secara drastik telah membangkitkan Brunei dari pengaruh Hindu, Sepanyol dan British; hilanglah sang dongeng, tahyul dan seumpamanya, dan dengan Islam, Brunei mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah negara MIB yang berdaulat.” (Hashim Abd. Hamid, 1999:103)

Penekanan serta pengekalan unsur-unsur kebangsaan Melayu dan agama Islam diberi kedudukan dan keutamaan. Ia disebut dengan jelas dalam pemasyhuran kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984:

“Negara Brunei Darussalam adalah akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah WalJamaah ....” (Hashim Hamid, 1994:68)

Selain daripada faktor di atas, Peradaban Melayu di zaman awal cemerlang dan gemilang dengan kemampuan pemimpin di zaman tersebut untuk menangani permasalahan sesuai dengan situasi semasa. Oleh itu faktor pemimpin juga amat penting diambilkira. Jika kita melihat dalam kerangka yang diberikan oleh Prof. Hashim Musa, beliau membincangkan lima gelombang pemimpin dan pendakwah dalam pembinaan Melayu. (Hashim Musa, 2001: 113)

Walaupun tidak disenaraikan, berdasarkan tempoh dan kriteria yang disebut oleh Hashim Musa: 2001, perkembangan Islam di Brunei diwarnai dengan nama-nama seperti Sharif Ali, Sharif Abu Bakar dan lain-lain (gelombang kedua)(Wan Abdul Shagir:2003) dan bagi gelombang kelima seperti Prof. Datuk Mahmud Saedon, Prof Madya Dr. Hashim Hamid, Awang Muhammad Jamil Al Jufri dan lain-lain. Tidak terkecuali jika mengambilkira faktor pemerintah, maka Sultan Brunei pasti memainkan peranan penting dalam proses islamisasi di Brunei sesuai dengan kedudukan dan kekuasannya sebagai seorang sultan yang benar-benar memerintah. Ini dapat dilihat dengan suburnya institusi Islam seperti Bank Islam, TAIB dan sebagainya walaupun kemerdekaan baru mencecah 20 tahun. Peranan penting yang ditunjukkan oleh Sultan Brunei sebagai pemerintah dapat dilihat dalam titahnya sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mukhtar Akademi Fiqh Islam Kali Ke-8 di Bandar Seri Begawan pada 21 Jun 1993 :

*"... we are more confident that the world one day will observe that the Islamic Law will be practiced more widely as a symul and complete way of life ia all aspects. Also on this basis, Brunei*



*Darussalam at the present moment, is actively moving towards Islamization in its law*" (Hashim Abd. Hamid, 1994:66)

Semestinyalah juga pemimpin masa kini melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan cabaran masa kini. Faktor kepimpinan ini sangat mustahak kerana sejauhmana sesebuah negara itu boleh bangkit, bergantung kepada kebijaksanaan pemimpinnya. Kesultanan Brunei bukan tidak pernah melalui detik-detik kritikal akibat daripada pertembungan dengan peradaban luar. Ancaman Kristianisasi Sepanyol, Perang Kastila, ancaman penjajahan James Brooke serta penjajahan British merupakan beberapa contoh besar. Namun kebijaksanaan para pemimpinnya telah meyelamatkan negara Brunei, malah lebih penting lagi menyelamatkan kesinambungan Kesultanan Melayu untuk terus wujud sebagai satu bukti kewujudan Peradaban Melayu melalui konsep Melayu-Islam-Beraja. Kesinambungan konsep Melayu Islam Beraja di Brunei Darussalam itu jelas apabila modernisasi barat dapat disesuaikan tanpa menghilangkanan jatidiri asas pemerintahan Melayu Islam Beraja itu. Dalam erti kata lain pertembungan pelbagai peradaban di Brunei tidak menghapuskan jati diri Melayu yang wujud, sebaliknya ia mengkayakan lagi sesuai dengan sifat tamadun yang sentiasa bersifat dinamik. Dalam konteks Brunei, kesemua faktor ini menjadi lebih kuat, terpelihara dan terjamin melalui pengistiharan MIB dan kuasa kesultanan.

Salah satu faktor yang juga perlu diberi perhatian ialah faktor rangkaian (*networking*) sama ada rangkaian tersebut melibatkan antara pusat-pusat inti peradaban Melayu di alam Melayu dan juga rangkaian bersifat antarabangsa.

Dengan jumlah penduduk Melayu yang ramai dari Pulau Malagasi(Madagacar) sehinggalah ke Pulau Taiwan (Prof Ismail Hussein, 2001:66), Brunei perlu mempunyai jalinan rangkaian yang kukuh dan mantap dengan wilayah Melayu yang lain samada Melayu Inti, Melayu Diaspora atau Melayu Minoriti. Dalam dunia globalisasi sesebuah negara tidak lagi dapat bergerak sendirian. Negara maju di Barat membentuk pelbagai gabungan dan rangkaian melalui EU, NATO dan cengkaman mereka ke atas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Begitu juga negara-negara Afrika yang telah mula mengusahakan gabungan African United (AU) yang akan bertindak seperti EU.

Maka sewajarnya Brunei menguatkan ikatan kemelayuan melalui pelbagai platform peringkat nusantara, Asia Tenggara dan seterusnya antarabangsa. Penglibatan Brunei dalam MABBIM dan platform lain yang bersifat lebih serius sangat perlu. Sudah tiba masanya kepimpinan Melayu di daerah Nusantara mengusahakan sebuah gabungan seperti EU atau NATO dan bukannya hanya dalam perkara-perkara yang bersifat sosial sahaja seperti aktiviti sukan dan penyeragaman bahasa. Begitu juga dalam konteks antarabangsa, Brunei boleh melebarkan peranannya dengan lebih aktif melalui pelbagai platform contohnya pertubuhan Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC), Gerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kepimpinan bagi Peradaban Melayu kini perlu menghidupkan dan menguatkan jaringan Alam Melayu seperti masa kegemilangan Melaka, Aceh dan Brunei satu masa dahulu. Brunei di zaman kegemilangannya sebagai contoh, pernah menggunakan jaringan rangkaiannya dengan empayar lain iaitu bantuan Khalifah

Othmaniyyah dalam usaha James Brooke yang telah merampas sebahagian besar dari wilayah Brunei pada masa itu. (Muzaffar Mohamad, 2003:42).

Melalui merapatkan saf perjuangan bangsa Melayu dengan mengembelingkan segala kekuatan wilayah-wilayah Melayu seperti Indonesia yang mempunyai rakyat Islam teramai di dunia, Malaysia sebagai negara majmuk yang politiknya dikuasai orang Islam, Brunei sebagai antara negara terkaya di dunia walaupun kecil, kekuatan MIB boleh dijadikan asas dan titik tolak untuk masyarakat Melayu bergerak di persada antarabangsa bagi mengangkat martabat agama Islam dan Peradaban Melayu. Brunei yang mempunyai kekuatan sumber alamnya melalui minyak sewajarnya ia boleh dijadikan aset utama melengkapkan kekuatan ummat Melayu di wilayah Melayu yang lain. Hashim Musa menjelaskan

“Sesungguhnya bukan secara kebetulan tetapi sudah dirancang Allah Yang Maha Perancang, bahawa termasuk dalam kumpulan negara Asia ini ialah beberapa buah negara /wilayah Melayu Islam yang mempunyai jumlah hampir satu perempat billion manusia yang mencakupi negara Malaysia, Brunei, Indonesia dan wilayah-wilayah Mindanao Filipina Selatan serta Patani di Thai Selatan dan juga Singapura. Hakikat ini seolah-olah memberi amanah kepada umat Melayu Islam bahawa medan usaha untuk membangkitkan kembali, menyebar dan menegakkan Islam ke seluruh Asia tenggara dan Asia Jauh terletak di atas bahu orang Melayu Islam, seperti yang telah dilakukan oleh datuk nenek moyang kita sejak kurun ke-15 lagi.” (Hashim Musa, 2001:72)

Dalam masa yang sama, kemampuan masyarakat Melayu di Brunei mempertahankan jatidiri peradaban Melayu yang asasi iaitu Agama Islam dan

Kesultanan Melayu melalui konsep Melayu-Islam-Beraja, ternyata telah menyelamatkan peradaban Melayu dari pupus dan tinggal dalam lipatan sejarah. Sebagai contoh Muzaffar Mohammad: 2003 menyebut

“Bagaimanapun Negara Brunei Darussalam merupakan suatu *‘living proof’* atau bukti yang nyata bahawasanya corak pemerintahan tradisi Bangsa Melayu yang kuat berpegang pada hukum adat dan syarak masih tetap boleh dibawa kepada kehidupan masa kini, iaitu boleh dijadikan satu falsafah kenegaraan yang dinamis, kuat dan tahan lasak untuk dilambung ombak badai dan gelombang. Kesultanan Brunei amat beruntung kerana masih tetap memegang Institusi Raja-raja Melayu yang berHakikat, berkesan dan tetap terlingkung dalam corak pemerintahan yang mendapat jaminan payung perlindungan Allah SWT sendiri, berbanding dengan falsafah negara yang lain itu.”  
(Muzaffar Mohamad, 2003:124)

Walaupun kebanyakan pendapat melihat pengaruh peradaban Barat sebagai membawa kesan negatif kepada Peradaban Melayu, terdapat juga juga pengaruh tamadun Barat yang juga boleh dijadikan elemen penguat kepada Peradaban Melayu. Negara Jepun boleh diambil sebagai contoh. Setelah dijajah oleh Barat, akhirnya Jepun berjaya menjepunkan tamadun Barat dan menjadi pesaing kepada Peradaban Barat. Proses pergabungan dan pengubahsuaian tersebut akhirnya telah membawa kepada terbentuknya sebuah Peradaban Jepun yang moden. Sejak kemerdekaan Jepun pada 1952, Jepun tanpa menoleh kebelakang terus maju dan akhirnya muncul untuk menjadi satu kuasa bertaraf dunia.

Dalam masa kurang daripada lima puluh tahun, Jepun menjelma dari abu Perang Dunia Kedua sebagai kuasa ekonomi dunia yang kedua selepas Amerika

Syarikat. Peradaban Melayu di Brunei boleh mempelajari sesuatu dari Jepun. Kemampuan Jepun untuk bangun dari kekalahan setelah kemerdekaan dikagumi oleh seorang pemikir Islam, Malik Ben Nabi seperti yang disebut:

*“Bennabi was fascinated by the historical experience of Japan, which had been brought from the medieval to the modern age in only fifteen years. Although Muslims and Japanese alike had tried to learn from Western civilization, the Japanese alone had refused to borrow the ‘destructive ideas’ of the West and remained faithful to their culture and history.”* (Fawzia Bariun, 1993:153)

Kemampuan Jepun untuk meminjam, meniru serta mengasimilasikan teknologi Barat setelah pertembungannya dengan Peradaban Barat, namun masih dapat menyesuaikannya dan mengekalkan asas peradaban Jepun patut menjadi satu contoh dan model kepada peradaban Melayu bahawa ia juga boleh bangkit daripada kejatuhannya setelah dijajah. Kalaulah Jepun mampu untuk bangkit semula dalam tempoh yang singkat, kenapa peradaban Melayu tidak sedangkan ia mempunyai teras Islam yang sangat positif dan dinamik?

Pertembungan antara peradaban akan berterusan tapi dalam bentuk yang berbeza. Pertembungan dalam zaman kini tidak lagi dalam bentuk fizikal melalui pelayaran dan bertemu wajah. Sebaliknya tanpa berjumpa dan bertemu secara fizikal. Dalam era gelombang ketiga – Revolusi maklumat peradaban yang lebih unggul tidak perlu datang dengan secara fizikal, sebaliknya dalam dunia tanpa sempadan cukup sekadar dengan menekan butang dan suis, peradaban asing dapat menghantar maklumat yang boleh memberi kesan serta pengaruh kepada

peradaban Melayu. Sejauh mana peradaban Melayu mampu mena  
dalam bentuk pertembungan baru ini, bergantung kepada ke  
masyarakat Melayu sendiri.

Walau bagaimanapun sejauhmana Peradaban Melayu di  
Darussalam mampu bangkit semula sewaktu zaman kecemerlangannya s  
masa dahulu banyak bergantung kepada faktor kepimpinan, pendakw  
penyertaan rakyat, penguasaan ilmu serta jaringan antara pusat peradaban Melayu  
yang ada di alam Melayu. Semua faktor di atas perlulah dibajai dengan prinsip  
dan strategi yang pernah digunakan oleh pembina peradaban Melayu pada  
peringkat awal iaitu dengan iman, yakin, taqwa dan tawakkal yang mantap dan  
teguh kepada Allah SWT yang merupakan merupakan inti kepada kebangkitan  
Islam dan juga Melayu.

“Amalan dakwah, mujahadah, doa, tawajjuh dan tawakal  
sesungguhnya merupakan prinsip, strategi dan amalan yang pernah  
dilaksanakan oleh para pembina dan penegak tamadun Melayu  
Islam di seluruh Kepulauan Melayu pada peringkat awalnya dan  
zaman berikutnya.” (Hashim Musa, 2001:113)

Firman Allah SWT dalam Al-Quran:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ  
تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan ....” (Al-Anfaal: 60)